

# ADAZOL TABLETS

Albendazole (200mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Adazol
2. Bagaimana Adazol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Adazol
4. Cara menggunakan Adazol
5. Semasa menggunakan Adazol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Adazol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Adazol

Ia digunakan untuk merawat jangkitan tunggal atau beberapa jenis cacing seperti cacing gelang, cacing kerawit, cacing tambang, cacing benang, cacing cambuk dan cacing pita.

## Bagaimana Adazol berfungsi

Adazol mengandungi albendazole, tergolong dalam kumpulan ubat yang menghapuskan jangkitan cacing.

## Sebelum menggunakan Adazol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Adazol jika terdapat alahan kepada albendazole atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam Adazol. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Jangan mengambil ubat jika hamil atau menyusukan anak.
- Tidak boleh diambil oleh kanak-kanak kurang daripada 1 tahun.

### - Sebelum menggunakan Adazol

Albendazole hanya boleh diambil untuk rawatan penyakit hydatid (jangkitan parasit cacing pita) dengan pengawasan profil darah.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Adazol

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa atau kanak-kanak lebih 2 tahun: Jangkitan cacing gelang, cacing tambang dan cambuk: 400mg sebagai dos tunggal. Jangkitan cacing benang, cacing pita dengan cacing lain: 400mg untuk 3 hari berturut-turut. Boleh diulangi selepas 3 minggu, jika perlu. Kanak-kanak 1 – 2 tahun: Setengah dos dewasa.

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat

anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos ialah gangguan gastrousus seperti loya, muntah dan cirittir.

## Semasa menggunakan Adazol

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Adazol. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Adazol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Albendazole diserap ke dalam susu ibu. Hentikan menyusukan anak semasa mengambil ubat dan sekurang-kurangnya 5 hari selepas selesai rawatan. Tidak boleh diambil semasa hamil atau menyusukan anak.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Adazol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan sampingan yang paling biasa ialah gangguan gastro usus seperti loya, muntah dan cirittir. Kesan-kesan lain ialah sakit kepala, demam dan letih.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Adazol

### - Penyimpanan

Simpan di tempat kering pada suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

### - Pelupusan

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat dwi cembung, berwarna perang dan berperisa coklat.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: albendazole.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, magnesium stearate microcrystalline cellulose,mannitol,polyvinylpyrrolidone,sodium saccharin, perisa coklat, sunset yellow lake dan indigo carmine lake.

### - Nombor MAL

MAL06061544XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini

22/06/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)22062017/00147